



### **Empat Ketua Setiausaha bertukar kementerian**

Oleh Mohd Iskandar Ibrahim - September 25, 2023 @ 5:21pm  
mohd\_iskandar@bh.com.my

PUTRAJAYA: Kerajaan mengumumkan pusingan kerja dan pelantikan baharu beberapa pengurusan tertinggi perkhidmatan awam berkuat kuasa esok.

Pengumuman dibuat Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Mohd Zuki Ali, dalam satu kenyataan, hari ini.

Ketua Setiausaha (KSU) Kementerian Sumber Manusia, Datuk Seri Dr Zaini Ujang ditukarkan sebagai Ketua Setiausaha Kementerian Kesihatan (KKM).

Datuk Seri Isham Ishak yang kini menjawat jawatan KSU Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri (MITI), akan bertugas sebagai KSU Kementerian Pertahanan.

KSU Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN), Datuk Azman Mohd Yusof, bertukar sebagai KSU Kementerian Perpaduan.

KSU Kementerian Perpaduan, Datuk Noridah Abdul Rahim, ditukarkan ke Jabatan Wilayah Persekutuan sebagai Ketua Pengarah.

Timbalan KSU MITI, Hairil Yahri Yaacob, dilantik sebagai KSU baharu kementerian berkenaan.

"Saya mengucapkan syabas dan tahniah di atas pelantikan ini dan percaya dengan kemampuan pegawai yang dilantik untuk terus memacu kecemerlangan kementerian serta agensi dalam menjayakan agenda Malaysia MADANI," kata Mohd Zuki.